

# Permintaan khidmat jagaan pelajar terus meningkat

Ibu bapa bekerja tanpa pembantu rumah diutamakan



PELBAGAI KEGIATAN PENGAYAAN: Pengurus Besar Mercu, Cik Salhawaty (bertudung), berkata ibu bapa berasa anak mereka lebih selamat di pusat jagaan pelajar (SCC) di Sekolah Rendah Da Qiao kerana mereka tidak perlu berjalan jauh untuk ke pusat itu. - Foto-foto M.O. SALLEH

3 Apr 2015

NUR ADILAH MAHBOB

BAGI kebanyakan murid, masa sekolah berakhir pada 1.30 petang.

Namun bagi sekumpulan murid Sekolah Rendah Da Qiao, masa itu menandakan permulaan 'separuh kedua' masa mereka di sekolah.

Mereka antara murid yang menyertai pusat jagaan pelajar (SCC) kendalian Mercu Learning Point di sekolah itu, seurus setelah masa sekolah berakhir.

Dalam dua jam pertama di pusat itu, mereka dikehendaki menyiapkan tugas sekolah mereka di bawah pantauan kakitangan pusat itu.

Mereka diberi masa berehat dan makan sebelum menyertai pelbagai kegiatan pengayaan seperti sukan, membaca atau kerja kemasyarakatan.

Masa mereka di sekolah biasanya tamat sekitar 7 malam apabila kebanyakan ibu bapa mereka habis kerja.

Permintaan bagi khidmat jagaan pelajar seperti di sekolah itu telah meningkat sejak beberapa tahun lalu, kata Pengurus Besar Mercu, Cik Salhawaty Abdul Ghani.

Ini sedang ibu bapa, terutamanya yang kedua-duanya bekerja, semakin menerima konsep jagaan kanak-kanak di sekolah.

"Dahulu, ada persepsi bahawa khidmat itu hanya bagi kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah tetapi semakin ramai ibu bapa daripada pelbagai latar belakang kini melihat manfaatnya.

"Mereka tahu anak mereka menjalani kegiatan produktif dan boleh bergaul dengan murid lain.

"Mereka fikir lebih baik anak mereka masuk pusat itu daripada duduk di rumah menonton televisyen atau menggunakan alat bimbis sahaja," ujar Cik Salhawaty, 41 tahun.

Mercu, anak syarikat Angkatan Karyawan Islam (AMP), mempunyai 11 SCC di sekolah rendah serata Singapura yang dihadiri 1,300 murid pelbagai kaum.

Pusatnya yang paling besar mempunyai lebih 280 murid dan paling kecil seramai 60 murid.

Bagi pusat yang lebih popular, terutama di estet yang mempunyai ramai keluarga muda, ia mempunyai senarai menunggu sekitar 40 hingga 50 orang.

Selalunya keutamaan diberi kepada ibu bapa yang kedua-duanya bekerja dan tidak mempunyai orang lain untuk menjaga anak mereka.

Menurut Cik Salhawaty, ada pengendali lain tidak menerima murid daripada keluarga yang mempunyai pembantu rumah memasuki SCC mereka kerana ingin memberi keutamaan kepada mereka yang benar-benar memerlukan khidmat itu.

Menyedari permintaan yang meningkat, MOE juga telah memperluas penubuhan SCC di sekolah.

Dalam jawapannya di Parlimen November lalu, Menteri Pendidikan, Encik Heng Swee Keat, berkata kebanyakan SCC terletak dalam masyarakat tetapi SCC berpangkalan di sekolah semakin mendapat sambutan daripada ibu bapa.

Baru-baru ini, Encik Heng turut mengumumkan bilangan SCC akan terus ditambah, daripada 105 hari ini kepada 140 menjelang hujung tahun depan.

Cik Salhawaty berkata ibu bapa berasa anak mereka lebih selamat di SCC di sekolah kerana mereka tidak perlu berjalan jauh ke pusat itu.

Lantaran itu, semua SCC Mercu kini ditubuhkan di sekolah dan tidak lagi di kolong blok dalam estet kejiranan, katanya.

Ibu bapa membayar yuran bulanan \$250 hingga \$270, namun keluarga bergaji rendah boleh mendapat subsidi hingga \$255 sebulan iaitu 95 peratus daripada yuran.

Namun, sedang khidmat jagaan menjadi lebih popular, Cik Salhawaty menekankan ia tidak boleh menggantikan peranan ibu bapa.

"Memang betul ada orang memantau murid buat tugas sekolah di pusat jagaan kami, tetapi kami menjelaskan kepada ibu bapa dan sekolah bahawa kami bukan pusat tuisyen.

"Ibu bapa tidak boleh menjangka sekolah dan pusat jagaan melakukan semuanya," ujar Cik Salhawaty yang anaknya sendiri menyertai SCC.